

TILAWAH SURAH AL-FATIHAH: ANTARA ISU KESALAHAN BACAAN DALAM ILMU TAJWID DAN KESAHAHAN SOLAT MENURUT ILMU FEKAH

Recitation Of Surah Al-Fatihah: Between The Issues Of Incorrect Reading In The Perspective Of Tajwid And The Validity Of Prayer According To The Fekah Views

Dr. Norazman bin Aliasⁱ, Dr. Zainora binti Daudⁱⁱ & Dr. Anuar bin Hasinⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan (PhD), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
 Universiti Sains Islam Malaysia
 E-mel: norazman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan (PhD), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
 Universiti Sains Islam Malaysia
 E-mel: zainora@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan (PhD), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
 Universiti Sains Islam Malaysia
 Emel: anuarhasin@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Sebagaimana yang diketahui, bacaan surah al-Fatiyah merupakan salah satu daripada rukun solat yang wajib ditunaikan. Sekiranya ia tidak dibaca, dari sudut pandang ilmu fekah, maka solat seseorang itu tidak sah dan tidak diterima di sisi syarak. Namun begitu, terdapat pelbagai prasangka yang wujud pula tentang kesahan sesuatu solat apabila kualiti bacaan surah al-Fatiyah itu tidak menepati hukum tajwid seperti sebutan huruf dari sudut makhradj dan sifatnya, kadar harakat mad, waqaf bacaan pada tempat yang tidak sesuai dan sebagainya. Isu ini semakin menarik perhatian masyarakat apabila ramai yang sudah mula ada kesedaran untuk menilai kualiti bacaan imam solat berjemaah di masjid dan surau. Malahan, terdapat pelbagai institusi mahupun individu tertentu yang mula mengambil inisiatif dalam isu ini dengan menganjurkan kursus</i></p>	<p><i>As is well known, the recitation of surah al-Fatiyah is one of the pillars of prayer that must be performed. If it is not read, from the point of fekah views, one's prayers are not valid and are not accepted in terms of Islamic law. However, there are various prejudices that exist about the validity of a prayer when the quality of recitation of surah al-Fatiyah does not comply with the hukum of tajwid such as the pronunciation of letters from the angle of makhradj and sifat, the rate of harakat, waqaf at inappropriate kalmah or ayat and so on. This issue is increasingly attracting the attention of community when many have begun to have the awareness to evaluate the quality of the recitation of imam prayers in mosques and suraus. In fact, there are various institutions and certain individuals who began to take the initiative in this issue by organizing courses on the recitation of surah al-Fatiyah and so on by using the</i></p>

<p>bacaan surah al-Fatihah dan sebagainya dengan menggunakan objektif dan trademark: "Tak sah bacaan surah al-Fatihah, maka tak sah solat". Menyedari hal ini, kertas kerja ini akan mengupas isu tersebut dari dua perspektif ilmu agama iaitu ilmu tajwid yang berkaitan dengan hukum bacaan serta ilmu fekah yang berkaitan dengan hukum kesahan solat. Kertas kerja ini yang bersifat kualitatif dengan menggunakan metode perpustakaan akan menyentuh isu yang sering timbul di kalangan masyarakat mutakhir ini berkaitan tentang kesalahan bacaan surah al-Fatihah dan perkaitannya dengan penerimaan sah solat. Dapatkan awal kajian ialah terdapat beberapa bentuk kesalahan bacaan dari sudut ilmu tajwid yang boleh membawa kepada ketidaksahan solat dari sudut ilmu fekah. Diharap agar dengan pendedahan kajian ilmiah ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas perkaitan antara kualiti bacaan surah al-Fatihah dengan syarat penerimaan solat.</p> <p>Kata kunci: Tilawah Surah al-Fatihah, Kesalahan Bacaan, Kesahan Solat</p>	<p>objective and trademark: "Incorrect recitation of surah al-Fatihah, will effect the validation of prayer". Recognizing this, this paper will examine the issue from two perspectives of religious knowledge, namely the science of tajwid related to the hukum of recitation and the science of fekah related to the hukum of the validity of prayer. This qualitative paper by using the library method will touch on issues that often arise in modern society nowadays related to the incorrect recitation of surah al-Fatihah and its relation to the valid acceptance of prayers. The initial finding of the study is that there are several forms of incorrect readings from the point of view of tajwid that can lead to the invalidity of prayer from the point of view of fekah. It is hoped that with the disclosure of this scientific study can give a clearer picture of the relationship between the quality of recitation of surah al-Fatihah with the conditions of the acceptance of prayers.</p> <p>Keyword: Recitation of Surah al-Fatihah, Incorrect Recitation, Validity of Prayer</p>
---	---

PENDAHULUAN

Mushaf al-Quran al-Karim dimulai dengan surah al-Fatihah. Surah al-Fatihah yang bererti pembukaan dan merupakan surah Makkiyyah secara keseluruhan ayatnya (al-Suyuti, 2004) turut mempunyai panggilan nama yang lain seperti *Umm al-Quran*, *Umm al-Kitab*, *al-Sab' al-Mathani* dan *al-Quran al-'Azim*. (Kathir, 1999) Penamaan surah ini adalah berdasarkan kepada sabdaan baginda Muhammad saw menerusi sebuah hadith:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ أُمُّ الْقُرْآنِ وَأُمُّ الْكِتَابِ
وَالسَّبْعُ الْمَثَانِي

Bermaksud: Daripada Abi Hurairah, berkata: Berkata Rasulullah saw: "Alhamdulillah (surah al-Fatihah) ialah *Umm al-Quran*, dan *Umm al-Kitab* serta *al-Sab' al-Mathani* (tujuh ayat yang diulang bacaannya)". Hadith hasan sahih (al-Tirmidhiy, 1998).

Adapun penamaan surah ini dengan *al-Quran al-'Azim* pula adalah berdasarkan kepada hadith yang direkodkan oleh al-Bukhariy iaitu:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. هٰي السَّبُعُ الْمَثَانِي، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيَتُهُ

Bermaksud: "Alhamdulillah Rabb al-'Alamin (surah al-Fatihah) ialah *al-Sab'* *al-Mathani* (tujuh ayat yang diulang bacaannya) serta *al-Quran al-'Azim* yang diberikan kepadaku". Hadith sahih (al-Bukhariy, 2001).

Menurut al-Suyutiy (Al-Itqan Fi Ulum al-Quran, 2004), yang dimaksudkan dengan panggilan *al-Sab'* *al-Mathani* ialah tujuh ayat yang diulang di dalam setiap rakaat solat. Tambahan beliau, dikatakan juga tujuh ayat yang mengandungi setiap daripadanya perihal adab.

PERBAHASAN SURAH AL-FATIHAH DARI SUDUT ILMU TAJWID

Ilmu tajwid ialah suatu ilmu yang berkait rapat dengan kaedah dan hukum membaca serta menyebut ayat al-Quran sebagaimana ia diturunkan kepada Nabi saw. (Syukri & al-Qudhoh, 2013) Sejarah Islam menunjukkan bahawa al-Quran itu perlu dibaca secara *tartil* dan dipelajari secara *talaqqi* di hadapan guru dalam mengetahui cara sebutan kalimah dan ayatnya sebagaimana ia diturunkan kepada baginda saw. Tuntutan ini menepati firman Allah SWT dalam surah al-Muzammil, ayat 4:

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلْ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ٤

Bermaksud: "Dan bacalah al-Quran itu dengan secara *tartil*".

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan nabi Muhammad saw membaca al-Quran yang diwahyukan kepada baginda secara *tartil*. Firman-Nya lagi dalam surah al-Furqan, ayat 32:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْءَانُ جُمْلَةً وَحْدَةً كَذَلِكَ لِتُشَبَّهَ بِهِ فُؤَادُكُمْ وَرَتِّلُنَّهُ تَرْتِيلًا ٢٢

Bermaksud: Berkatalah orang-orang yang kafir: "Mengapa al-Quran itu tidak diturunkan kepadanya sekali turun saja?"; Demikianlah supaya Kami (Allah SWT) memperkuatkan hatimu dengannya dan Kami (Allah SWT) membacanya secara *tartil* (teratur dan benar).

Dalam menghuraikan makna *tartil*, Ali bin Abi Talib ra mengatakan: "Iaitu mengelokkan sebutan setiap huruf dan berhenti bacaan pada tempat yang betul". (al-Jazariy, 2001) Ini menunjukkan bahawa pembacaan al-Quran bukanlah suatu ilmu yang dicipta dari konsep *ijtihad* (fatwa) para ulama yang diolah berdasarkan kepada dalil *naqli* (al-Quran dan al-Sunnah), akan tetapi pembacaan al-Quran itu merupakan suatu penetapan yang bersifat *tauqifiy* (diambil terus) secara *talaqqi* melalui riwayat daripada sumbernya yang asal iaitu sebutan dan bacaan Rasulullah saw, yang mana ilmu ini lebih dikenali pada hari ini sebagai ilmu tajwid.

Justeru itu, dengan mempelajari ilmu tajwid, seseorang itu akan mampu membaca al-Quran dengan baik secara *tartil*, serta terpelihara daripada melakukan kesalahan yang boleh membawa kepada kerosakan bacaan dan

makna ayat. Kesalahan bacaan seumpama ini perlulah dihindari oleh setiap pembaca al-Quran bagi memastikan keaslian sebutan bacaan tersebut terus dipelihara dan diwarisi oleh generasi demi generasi sebagaimana ia diwahyukan pada zaman kenabian. Oleh kerana ia penting untuk dihayati, maka melakukan kesalahan bacaan adalah hukumnya haram sementara mencacatkan bacaan pula merupakan suatu dosa dan kesalahan. (Hassan, 2016)

Dari sudut ilmu tajwid pula, kesalahan bacaan al-Quran boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu:

1. Kesalahan Nyata

Kesalahan nyata bermaksud kesalahan bacaan yang dilakukan pada struktur perkataan, sama ada kesalahan itu mencacatkan makna perkataan ataupun tidak. Perkataan “nyata” di sini bermaksud suatu kesalahan yang dapat disedari dengan nyata dan terang-terangan meskipun ia boleh diketahui oleh orang awam mahupun orang yang mahir dalam ilmu tajwid.

Antara contoh kesalahan nyata menerusi petikan surah al-Fatihah adalah seperti berikut:

- Kesalahan bacaan yang mengubah makna perkataan, namun tidak mengubah struktur perkataan seperti membaca ayat ketujuh, surah al-Fatihah:

صِرَاطَ الْذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْصُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الْضَّالِّينَ ٧

Bermaksud: (iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.

Pada perkataan bergaris di atas iaitu أَنْعَمْتَ, sekiranya ia ditukar baris *fathah* (baris atas) pada huruf ta' kepada baris *dhammah* (baris depan) seperti أَنْعَمْتُ, maka tafsiran perkataan serta ayat tersebut telah berubah daripada makna asal: “(iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka” kepada makna baharu iaitu: “(iaitu) jalan orang-orang yang telah aku beri nikmat kepada mereka”.

- Kesalahan bacaan yang tidak mengubah makna serta struktur perkataan, namun mengubah baris bacaan perkataan seperti membaca ayat kedua, surah al-Fatihah:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ٢

Bermaksud: “Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam”.

Pada perkataan bergaris di atas iaitu الْحَمْدُ لِلّٰهِ, sekiranya ia ditukar baris *dhammah* (baris depan) pada huruf dal kepada baris *fathah* (baris atas) seperti الْحَمْدُ لِلّٰهِ, ataupun baris *kasrah* (baris bawah) seperti الْحَمْدُ لِلّٰهِ, maka tafsiran perkataan serta ayat tersebut tidak berubah sama sekali. Pun begitu, perubahan baris seperti ini tetap merosakkan periwayatan bacaan kerana ia tidak bersumberkan kepada bacaan nabi saw.

- c. Kesalahan bacaan yang mengubah struktur perkataan, sama ada boleh membawa kepada perubahan makna perkataan ataupun tidak seperti membaca ayat keenam, surah al-Fatiyah:

أَهْدِنَا أَصْرِطَ الْمُسْتَقِيمَ ٦

Bermaksud: "Tunjuklah kami jalan yang lurus".

Pada perkataan bergaris di atas iaitu أَهْدِنَا, sekiranya huruf ha' ditukar kepada huruf yang lain seperti أَخْدِنَا, sama ada berubah makna perkataan ataupun tidak, ia telah mengubah struktur perkataan asal, di mana perubahan bacaan ini tidak diriwayatkan daripada salah satu bacaan nabi saw.

Berdasarkan kepada tiga jenis kesalahan nyata yang dibahaskan dalam ilmu tajwid, para sarjana dalam bidang ini bersepakat bahawa hukum melakukan kesalahan nyata seperti contoh di atas ialah haram secara *ijma'* ulama, tanpa mengira ia disengajakan mahupun tidak. (Bassah, 2004) Adapun sekiranya ia dilakukan tanpa sengaja, dan disedari kemudiannya, maka bacaan tersebut perlu diperbaiki semula. Begitulah sebaliknya, sekiranya kesalahan tersebut tidak disedari dan tidak sengajakan, maka tiada dosa bagi si pembaca atas kealpaan yang tidak disedari tersebut. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللّٰهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا مَا أَكْسَبَتُ

Bermaksud: "Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebijakan) yang diusahaannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya".

2. Kesalahan Tersembunyi

Kesalahan tersembunyi bermaksud kesalahan atau kecacatan bacaan yang dilakukan pada sebutan, di mana kesalahan itu menyalahi hukum tajwid serta kaedah sebutan yang telah ditetapkan bagi sesuatu perkataan atau ayat al-Quran. Kesalahan "tersembunyi" ini hanya dapat diketahui dan disedari oleh mereka yang mahir dalam ilmu tajwid dan tidak disedari oleh orang awam.

Antara contoh kesalahan tersembunyi menerusi petikan surah al-Fatihah adalah seperti berikut:

- a. Memanjangkan atau memendekkan kadar harakat sesuatu hukum mad seperti ayat ketujuh, surah al-Fatihah:

صِرْطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الْظَّالِمِينَ ٧

Pada perkataan bergaris di atas iaitu الظَّالِمِينَ, dari sudut ilmu tajwid, hukum mad bagi perkataan tersebut dikenali sebagai *mad lazim kalimi muthaqqal*, di mana kadar harakat mad tersebut ialah enam harakat sahaja (Alias, 2016). Sekiranya ia dibaca melebihi kadar tersebut ataupu kurang daripadanya, maka kesalahan ini menyalahi dari sudut hukum tajwid dan ia termasuk dalam kesalahan tersembunyi.

- b. Membaca secara dengung pada perkataan yang tidak dibaca dengan dengung, mahupun sebaliknya, seperti bacaan pada ayat yang sama iaitu pada perkataan bergaris عَلَيْهِمْ. Dari sudut ilmu tajwid, hukum mim *sakinah* (mim bertanda sukun atau mati) apabila bertemu dengan huruf selain huruf mim atau ba', maka dikenali sebagai hukum *izhar shafawi*. Perkataan seumpama ini tidak dibaca secara dengung. Namun begitu, sekiranya ia dibaca secara dengung, maka kesalahan ini menyalahi dari sudut hukum tajwid dan ia termasuk dalam kesalahan tersembunyi.
- c. Kesalahan menyebut ataupun membaca *sifat* dan *makhraj* sesuatu huruf seperti *tafkhim*, *tarqiq*, *isti'la'*, *istifal* dan sebagainya. Menerusi contoh ayat yang sama, pada perkataan bergaris صِرْطَ, sekiranya huruf sad yang bersifat *isti'la'* (tinggi) dibaca dengan sifat *istifal* (rendah), maka kesalahan ini menyalahi dari sudut hukum tajwid dan ia termasuk dalam kesalahan tersembunyi.

Selain daripada contoh kesalahan di atas, sebarang bentuk kesalahan yang melibatkan hukum tajwid, maka ia dikategorikan sebagai kesalahan tersembunyi. Maka hukum melakukan kesalahan tersembunyi seperti di atas ialah haram jika dilakukan secara sengaja atau mempermudah-mudahkan hukum bacaannya. Sebahagian para sarjana pula menyatakan hukumnya ialah makruh. (Nasr, 2000)

PERBAHASAN SURAH AL-FATIHAH DARI SUDUT ILMU FEKAH

Kebergantungan kesahan solat dan penerimaannya dari sudut *syara'* hakikatnya berkait rapat dengan kesempurnaan sesuatu rukun dilaksanakan. Rukun solat pula terkait dengan ucapan seperti lafaz *takbirah al-Ihram*;

perbuatan seperti rukuk dan sujud (al-Husainiy, 2001); serta hati seperti niat melaksanakan ibadah solat. (al-Syiraziy, 2003)

Surah al-Fatiyah yang merupakan pembuka kepada al-Quran dan isi kandungannya mencakupi tujuh ayat yang wajib dibaca oleh umat Islam setiap hari dalam ibadah solatnya. Surah al-Fatiyah juga merupakan surah tunggal daripada al-Quran yang diwajibkan oleh *syara'* untuk membacanya sebagai salah satu rukun solat. Tanpa bacaannya, sama ada ketika solat fardu maupun sunat, maka solat seseorang itu tidak sah. (al-Mawardiyy, 2000) Hal ini dapat difahami menerusi sepotong sabdaan baginda saw iaitu:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرُأْ بِعَاقِبَةِ الْكِتَابِ

Bermaksud: "Tidak dikira sesuatu solat bagi sesiapa yang tidak membaca pembuka al-Kitab (surah al-Fatiyah)". Hadith sahih (al-Bukhariyy, 2001).

Para sarjana Islam di kalangan empat mazhab fekah yang muktabar bersepakat bahawa tidak sah sesuatu solat yang dilakukan tanpa membaca surah al-Fatiyah, sama ada secara sengaja maupun terlupa. (Rushd, 2004) Namun begitu, mereka berselisih pandangan dalam membahaskan hadith di atas dari perspektif hukum *syara'* kepada dua bahagian iaitu:

1. Hukum Bacaan al-Fatiyah Bagi Solat Sendirian

Jumhur ulama menyatakan hukum membaca surah al-Fatiyah ialah wajib, dan tidak sah sesuatu solat yang tidak dibaca surah al-Fatiyah padanya. (al-Syaukaniyy, 2015)

Antara mereka yang berpegang kepada pandangan ini ialah Malik (Al-Kafi Fi Fiqh Ahl al-Madinah, 2013), Shafi'iy (Al-Umm, 2013) dan Ahmad dalam pandangan masyhur beliau (Masail al-Imam Ahmad Wa Ishaq bin Rahawayh, 2002).

Pandangan jumhur ulama ini berdalilkan firman Allah SWT dalam surah al-Muzzammil, ayat 20:

فَأَقْرَءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنَ الْقُرْآنِ

Bermaksud: Oleh kerana itu, bacalah apa yang mudah (bagimu) dari al-Quran.

Juga bersumberkan sabdaan baginda saw yang direkodkan oleh Muslim dalam kitab solat, bab "kewajipan membaca surah al-Fatiyah pada setiap rakaat", iaitu:

إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ، ثُمَّ افْرُأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ... ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي
صَلَاتِكَ كُلُّهَا

Bermaksud: "Apabila kamu berdiri bagi menunaikan solat, maka bertakbirlah. Kemudian, bacalah apa yang mudah daripada al-Quran bersama kamu... Kemudian lakukanlah yang demikian itu pada setiap solat kamu keseluruhannya". Hadis sahih (Sahih Muslim, 2006)

Selain itu, para ulama dalam pandangan ini juga berhujah dengan beberapa dalil masyhur yang lain daripada *al-Sunnah* dalam penetapan hukum tersebut. Adapun di sisi Abu Hanifah, beliau berpandangan bahawa tiada kewajipan dalam menentukan bacaan surah al-Fatiyah sebagai salah satu rukun solat. Dalil di atas sebelum ini menunjukkan apa sahaja ayat manapun surah yang mudah untuk dibaca, maka ia sudah memadai. Sependek ayat untuk dibaca dalam solat ialah sepotong ayat. (al-Jassas, 1992) Pandangan sarjana dalam mazhab Hanafi pula adalah sependek ayat untuk dibaca dalam solat ialah tiga ayat pendek ataupun sepotong ayat yang panjang. (al-Hawariy, 1996)

2. Hukum Bacaan al-Fatiyah Bagi Solat Berjemaah

Bagi permasalahan kedua ini, para sarjana besar empat mazhab berbeza pandangan dalam penetapan hukum bacaan al-Fatiyah bagi solat berjemaah, adakah wajib bagi imam dan maknum ataupun hanya kepada imam sahaja?

Mazhab *al-Shafi'iyy* (Al-Umm, 2013) dan pandangan yang masyhur di sisi Ahmad (Masail al-Imam Ahmad Wa Ishaq bin Rahawayh, 2002) ialah diwajibkan bacaan surah al-Fatiyah bagi maknum yang solat secara berjemaah. Para sarjana dalam mazhab ini berdalilkan sabdaan nabi saw iaitu:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرُأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Bermaksud: "Tidak dikira sesuatu solat bagi sesiapa yang tidak membaca pembuka *al-Kitab* (surah al-Fatiyah)". Hadith sahih (al-Bukhariy, 2001).

Juga, sabdaan baginda saw:

مَنْ صَلَّى صَلَاةً لَمْ يَقْرُأْ فِيهَا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَهِيَ خَدَاجٌ - ثَلَاثَةً - عَيْرٌ تَمَامٌ

Bermaksud: "Maka sesiapa yang menunaikan solat dan tidak membaca padanya pembuka *al-Kitab* (surah al-Fatiyah), maka solatnya tidak sempurna, tidak sempurna, tidak sempurna". Hadith sahih (al-Naisaburiy, 2006)

Bagi Malik pula, wajib seorang maknum membaca surah al-Fatiyah bagi solat yang dibaca secara *al-Sirr* (perlahan seperti zohor dan asar). Adapun solat yang dibaca secara *al-Jahr* (jelas seperti subuh, maghrib dan isyak), maka memadai bagi maknum untuk mendengar bacaan surah al-Fatiyah oleh imam sahaja. (Al-Mudawwanah al-Kubra, 1994) Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-A'raf, ayat 204 iaitu:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ، وَأَنْصِتُوا لِعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ٢٠٤

Bermaksud: "Dan apabila dibacakan al-Quran, maka dengarkanlah baik-baik, dan perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat rahmat".

Berkata Ibn al-'Arabiyy: "Dan yang sahih di sisiku ialah wajib membacanya (surah al-Fatiyah) ketika solat *al-Sirr*, dan haram membacanya (surah al-Fatiyah) ketika seseorang maknum mendengar bacaan al-Fatiyah oleh imam kerana terdapat larangan diam ketika ayat al-Quran dibacakan dan

perlulah memberi perhatian kepadanya. Maka sekiranya seorang maknum berada jauh daripada imam (dan tidak mendengar bacaan al-Fatihah oleh imam) maka hukum solat beliau seperti solat *al-Sirr* (iaitu wajib membaca surah al-Fatihah) kerana perintah baginda saw adalah bersifat umum bagi setiap solat dan keadaan. Pengkhususan daripadanya pula bagi solat *al-Jahr*, maka wajiblah memberi perhatian dengan mendengar bacaan imam. Selain daripada itu, kekallah hukum umum berdasarkan kepada dalil kewajipan membaca surah al-Fatihah". (Ahkam al-Quran, 2003)

Adapun di sisi Abu Hanifah pula, kesahan sesuatu solat tidak terikat dengan bacaan surah al-Fatihah. (al-Jassas, 1992) Hal ini kerana keumuman firman Allah SWT berkaitan mendengar dan memberi perhatian kepada bacaan al-Quran adalah terpakai dalam semua keadaan. Para sarjana dalam mazhab Hanafi berpandangan, ada pun hadith nabi saw berkaitan tidak sah sesuatu solat yang tidak dibaca padanya surah al-Fatihah, mereka mensyarahkan hadith tersebut bermaksud "tidak sempurna solat, bukanlah bermaksud tidak sah solat". (al-Jassas, 1992)

PERKAITAN BACAAN SURAH AL-FATIHAH DAN KESAHAN SOLAT DALAM KONTEKS SEMASA

Mutakhir ini, terdapat banyak kelas pengajian al-Quran yang giat berkembang di serata tempat di tanahair, bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Sebahagian daripadanya ditawarkan oleh orang persendirian, ada juga yang dikendalikan oleh institusi dan pusat pengajian tertentu dan sebagainya. Antara pengisian program yang dianjurkan di pusat pengajian al-Quran terbabit ialah "*tahsin* (memperelokkan bacaan) surah al-Fatihah".

Berdasarkan kepada pemerhatian penulis, terdapat beberapa pusat pengajian yang menganjurkan program seumpama ini dengan menggunakan kata kunci #tidak sah fatihah, tidak sah solat. Hal ini hakikatnya sedikit-sebanyak mendatangkan suatu persepsi yang mencemaskan di kalangan umat Islam di Malaysia hari ini, apatah lagi di kalangan warga emas yang sudah berpuluhan tahun hidup dan menunaikan ibadah solat, namun dipertikaikan isu kesahan solat mereka.

Penulis berpandangan, kesalahan bacaan surah al-Fatihah dari sudut ilmu tajwid boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu:

1. Kesalahan nyata

Bagi kategori ini, sekiranya seseorang itu menunaikan solat (fardu mahupun sunat), lalu beliau melakukan kesalahan yang nyata dalam bacaan surah al-Fatihah yang boleh diketahui oleh sesiapa pun; seperti mengubah baris, huruf, meninggalkan suatu perkataan mahupun ayat dan sebagainya, maka hukumnya ialah haram dan berdosa sekiranya sengaja, dan tidak berdosa sekiranya tidak sengaja. Pun begitu, wajib ke atas beliau untuk mengulangi

bacaan surah al-Fatihah tersebut kerana ia merupakan salah satu daripada rukun solat di sisi mazhab *Shafi'iyy*.

2. Kesalahan tersembunyi

Bagi kategori ini pula, sekiranya seseorang itu membaca surah al-Fatihah dalam solat beliau, sama ada fardu mahupun sunat, lalu melakukan kesalahan tersembunyi yang hanya boleh diketahui oleh orang yang mahir dalam ilmu tajwid; seperti kurang atau lebih kadar harakat mad, keseragaman kadar *harakat mad, izhar, idgham, tarqiq, tafkhem* dan sebagainya yang berkaitan dengan hukum tajwid sahaja, maka hukumnya ialah dilarang dan berdosa sekiranya dengan niat mempermudahkan kualiti bacaan. Hal ini adalah kerana berterusan dalam melakukan kesalahan tersembunyi adalah merupakan suatu dosa dan samalah seperti berterusan berada dalam lembah kejahilan yang juga merupakan suatu dosa. (Hassan, 2016) Adapun kesalahan tersebut dilakukan tanpa sengaja dan telahpun berusaha untuk memperbaikinya, maka tidak berdosa ke atasnya.

Berkata Mustafa al-Khin: “Semasa membaca surah al-Fatihah, hendaklah memberi perhatian kepada syarat-syarat berikut:

- a. Mendengar bacaannya sendiri jika pendengarannya baik;
- b. Membaca urutan ayatnya yang sebenar dan memberi perhatian kepada makhraj huruf serta kejelasan shaddahnya;
- c. Tidak melakukan kesalahan bacaan yang membawa kepada perubahan makna. Namun bacaan al-Fatihah tidak batal jika membacanya dengan kesalahan sebutan yang tidak memberi kesan kepada ketepatan makna;
- d. Membaca al-Fatihah dalam bahasa Arab. Tidak sah membaca terjemahannya kerana ia bukan daripada al-Quran.
- e. Membaca al-Fatihah ketika berdiri. Jika rukuk sambil membacanya, bacaan tersebut batal dan wajib mengulanginya. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak mampu menguasai surah al-Fatihah disebabkan oleh dia bukan berbangsa Arab dan sebagainya, dia hendaklah menggantikannya dengan membaca tujuh ayat al-Quran yang dihafaznya, dan jika tidak mampu juga, dia hendaklah berzikir kepada Allah SWT sekadar masa bacaan al-Fatihah sebelum dia rukuk.” (Al-Fiqh al-Manhaji Ala al-Mazhab al-Shafi'iyy, 2015)

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji dan metode kepustakaan yang digunakan dalam mengupas isu bersifat umum dan sensitif ini, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dan inisiatif umum yang boleh dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkaitan iaitu:

1. Pihak berkuasa; pemilihan imam rawatib di masjid dan surau boleh diperkemaskan lagi dengan penekanan terhadap penguasaan bacaan al-Quran yang optimum. Calon imam tersebut perlulah dipilih di kalangan

mereka yang bukan sahaja mahir dalam ilmu tajwid secara teori dan praktikal, bahkan boleh mengesan kesalahan tersembunyi serta boleh memperbetulkan bacaan al-Quran oleh masyarakat setempat.

Selain itu, pihak berkuasa juga boleh menganjurkan kelas pengajian al-Quran secara percuma kepada orang ramai seperti Klinik Al-Quran, Klinik Surah Al-Fatiyah dan sebagainya, secara mingguan ataupun bulanan, fizikal mahupun maya agar masyarakat dapat didekatkan dengan budaya membaca al-Quran.

2. Institusi/pusat pengajian al-Quran; penganjuran bengkel ataupun kursus *tahsin* bacaan surah al-Fatiyah merupakan suatu inisiatif yang baik dalam memperbaiki mutu bacaan orang awam. Namun begitu, dalam persaingan komersial seumpama ini, beberapa perkara berkaitan penganjuran perlulah dinilai semula agar tidak menimbulkan kecelaruan dan kegusaran orang ramai terhadap kualiti bacaan surah al-Fatiyah seperti "tidak sah solat, sekiranya tidak sah bacaan surah al-Fatiyah", "90% orang ramai salah bacaan surah al-Fatiyah" dan sebagainya. Slogan seumpama ini perlulah didasari dengan kajian lapangan dan fakta yang jelas.
3. Orang awam; hukum menuntut ilmu merupakan suatu kefarduan ke atas setiap individu muslim (Sahih Muslim, 2006) Justeru, disyorkan agar semua kaum muslimin dan muslimat sentiasa mempelajari bacaan al-Quran secara teori dan praktikal menerusi guru yang bertauliah dan pakar dalam memastikan mutu bacaan surah al-Fatiyah menepati hukum tajwid.

PENUTUP

Surah al-Fatiyah merupakan surah asas yang dihafaz oleh semua umat Islam, tanpa mengira bangsa dan peringkat usia. Struktur tujuhnya yang mudah dibaca dan dihafaz menjadi suatu petanda kemukjizatan al-Quran menerusi panggilan namanya iaitu *al-Sab' al-Mathani*. Meskipun membacanya dalam solat merupakan salah satu daripada rukun di sisi mazhab *al-Shafi'iyy* yang merupakan pegangan fekah terbesar di Malaysia, hukum tajwid dalam praktikal bacaan surah al-Fatiyah juga perlu dititikberatkan dan diperhalusi oleh semua umat Islam. Hal ini adalah kerana terdapat beberapa contoh kesalahan nyata dalam bacaan surah al-Fatiyah yang boleh membawa kepada terbatalnya bacaan dan tidak sahnya sesuatu solat. Meskipun begitu, sekiranya seseorang itu berusaha memperbaiki bacaannya dengan mendalami ilmu tajwid dan *tahsin* bacaan lalu beliau tetap melakukan kesalahan yang hanya diketahui oleh orang yang mahir dalam ilmu tajwid, maka ia tidaklah membawa kepada batalnya bacaan dan solatnya tetap sah. Justeru itu, setiap pusat pengajian al-Quran ataupun institusi berkaitan yang berhasrat menganjurkan kursus *tahsin* bacaan surah al-Fatiyah, perlulah memahami perbahasan para sarjana dan ahli dalam bidang tajwid dan fekah terlebih dahulu agar sebarang penggunaan kata kunci seperti #tidak sah fatihah, tidak

sah solat, tidak sewenang-wenangnya digunakan kerana ia boleh membawa kepada kekeliruan dan kebimbangan umat Islam di Malaysia khususnya terhadap amal ibadah solat mereka selama ini.

RUJUKAN

Buku

- al-Arabiyy, A.-Q. M. (2003). *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Barr, A. U. (2013). *Al-Kafi Fi Fiqh Ahl al-Madinah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Bukhariyy, M. b. (2001). *Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar Tauq al-Najah.
- al-Hawariy, A. A. (1996). *Al-Masail al-Fiqhiyyah*. Hadramaut: Markaz al-Mustafa Li al-Dirasat al-Islamiyyah.
- al-Husainiy, A. B.-M. (2001). *Kifayah al-Akhyar Fi Hal Ghayah al-Ikhtisar*. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Alias, N. b. (2016). *Smart Tajwid Al-Quran*. Selangor: Darul Syakir.
- al-Jassas, A. b.-R. (1992). *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- al-Jazariyy, M. b. (2001). *Al-Tamhid Fi Ilm al-Tajwid*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Mawardiy, A. a.-H. (2000). *Al-Iqna' Fi al-Fiqh al-Shafi'iyy*. Iran: Dar Ihsan.
- al-Naisaburiyy, M. b.-H. (2006). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Taybah.
- al-Shafi'iyy, M. b. (2013). *Al-Umm*. Damascus: Dar al-Nawadir.
- al-Suyutiyy, A. a.-R. (2004). *Al-Itqan Fi Ulum al-Quran*. Dar al-Hadith: Cairo.
- al-Syaukaniy, M. b. (2015). *Nayl al-Autar*. Cairo: Dar Ibn al-Qayyim.
- al-Syiraziyy, A. I. (2003). *Al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam al-Shafi'iyy*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Tirmidhiyy, M. b. (1998). *Al-Jami' al-Kabir Sunan al-Tirmidhiy*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Bahram, I. b. (2002). *Masail al-Imam Ahmad Wa Ishaq bin Rahawayh*. Medina: Universiti Islam Antarabangsa Madinah.
- Bassah, M. b. (2004). *Al-'Amid Fi Ilm al-Tajwid*. Alexandria: Dar al-Aqidah al-Islamiyyah.
- Hassan, S. S. (2016). *Perbahasan Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs 'An 'Asim Melalui Toriq al-Syatibiyyah*. Selangor: Percetakan Salam.
- Kathir, I. b. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Malik, M. b. (1994). *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Mustafa al-Khin, M. a.-B.-S. (2015). *Al-Fiqh al-Manhaji Ala al-Mazhab al-Shafi'iyy*. Selangor: Darul Syakir.
- Nasr, A. Q. (2000). *Ghayah al-Murid Fi Ilm al-Tajwid*. Jeddah: Maktabah Kunuz al-Ma'rifah.
- Rushd, M. b. (2004). *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Hadith.
- Syukri, A. K., & al-Qudhoh, A. M. (2013). *Al-Munir Fi Ahkam al-Tajwid*. Amman: Dar Ammar.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.